

11/07/2001

Penyair syor JKM perkenal lagu rakyat di tadika

Salbiah Ani

KUALA LUMPUR, Selasa - Jabatan Kebajikan Masyarakat diminta mengenakan syarat kepada tadika tempatan supaya memperkenalkan lagu rakyat sebagai sebahagian daripada bahan pembelajaran kanak-kanak.

Penyair yang popular dengan karya berunsur Islam, Rahimidin Zahari, berkata langkah itu dapat membantu usaha memberi kefahaman mengenai akar dan budaya bangsa sejak peringkat kanak-kanak lagi.

"Lagu rakyat kita yang tertanam nilai murni di dalamnya tidak diberi perhatian tadika tetapi sebaliknya, lagu kanak-kanak dari Barat yang bertentangan dengan budaya tempatan diajarkan dengan sewenang-wenangnya," katanya.

Rahimidin adalah seorang daripada peserta pada Kembara Puisi IPT 2001 kali keenam bertema Suara Nurani Jati Diri Bangsa yang akan berlangsung di Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang, 17 Julai ini.

Kembara Puisi IPT 2001 anjuran Berita Harian Sdn Bhd (BHSB) dengan kerjasama, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), USM, Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti (Makum) Serta Bank Kerjasama Rakyat Malaysia (Bank Rakyat).

Beliau berkata, tradisi mendodoikan anak dengan lagu rakyat kini tidak lagi berlaku dalam masyarakat Malaysia kerana sebahagian besar daripada ibu bapa hari ini bekerja dan anak-anak diletakkan di bawah jagaan tadika dan tabika.

"Masyarakat Melayu dulu, khususnya menyemai nilai murni dalam lagu rakyat melalui tradisi lisan iaitu ketika mendodoikan anak mereka tetapi kini perkara itu tidak lagi berlaku," katanya.

Rahimidin yakin Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dapat melihat kepentingan sastera sebagai bahan komunikasi dan mendidik sekalipun dalam era teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

"Dr Mahathir sudah beberapa kali menggunakan puisi sebagai wadah untuk berkomunikasi dan menyampaikan tegurannya kepada rakyat dan terbaru dapat dilihat pada Perhimpunan Agung Umno melalui sajaknya, Melayu Mudah Lupa," katanya.

Beliau berkata, penulisan sejarah Malaysia, tidak akan dapat dilakukan tanpa melakukan rujukan kepada teks sastera lama seperti Sejarah Melayu, Hikayat Hang Tuah dan Catatan Perjalanan Abdullah Munshi.

"Sejarah Malaysia membabitkan orang Melayu dan penulisan mengenai bangsa ini dapat dikesan dalam beberapa teks sastera lama terutamanya Sejarah Melayu, karya tertua mengenai orang Melayu," katanya.

Rahimidin berharap BHSB dapat memperkenalkan program Kembara Puisi IPT ke maktab perguruan dan politeknik supaya kesinambungan kepada sastera dapat berlaku secara lebih menyeluruh.

"Langkah ini dapat membantu graduan politeknik dan maktab perguruan memahami akar, tradisi dan budaya mereka tanpa mengira bidang pekerjaan serta tidak melabelkan sastera sebagai suatu yang tidak berpijak di bumi nyata," tegasnya.

(END)